

MINGGU SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2008/2009

Oleh : Fazlina Md Fadzil

Program Minggu Suaikenal (MSK) UniMAP bagi Sidang Akademik 2008/2009 telah berlangsung selama 4 hari berturut-turut mulai 29 Jun hingga 2 Julai 2008 di Kolej Kediaman Kampung Wai, Kuala Perlis. Manakala sesi pengambilan kedua pelajar baru pula berlangsung pada 19 hingga 22 Julai 2008. Pada sidang akademik kali ini, UniMAP telah menerima kemasukan pelajar-pelajar baru seramai 1482 orang. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang MSK ialah Taklimat Bimbingan dan Informasi Jabatan HEPA, Taklimat Rakan Pendamping Siswa, Majlis Sambutan Siswa-Siswi (Majlis Ikrar dan Akujanji), Ceramah Kenegaraan, Taklimat Undang-undang Universiti & AUKU, Taklimat Pengenalan Pelan Integriti Nasional (PIN), Majlis Ramah Mesra serta Taklimat Ko-Kurikulum dan Pusat-pusat Pengajian. Perjalanan program MSK ini telah terlaksana dengan jayanya berikutan hasil sokongan dan kerjasama oleh hampir 100 orang Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal (PPMS), kakitangan Jabatan HEPA dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semasa hari pertama pendaftaran pelajar baru, Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin telah mengumumkan penubuhan Tabung Amanah Khas Pelajar. Tabung ini bertujuan bagi membantu pelajar-pelajar UniMAP yang kurang berkemampuan dan sebagai tanda keprihatinan semua warga UniMAP terhadap kebajikan para pelajar. Satu slot khas khusus kepada ibubapa dan waris pelajar-pelajar baru juga diadakan bagi tujuan memberi berpeluang kepada mereka untuk beramah mesra dan berinteraksi bersama Dato' Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Utama Universiti menerusi sesi Taklimat Bersama Waris. Selepas mengharungi minggu orientasi selama empat hari, semua pelajar baru telah diwajibkan menjalani Kursus Bina Negara Asas Mahasiswa yang merupakan aktiviti pertama 7 Pillars Program RPS bermula dari 3 hingga 6 Julai 2008 di Kem-kem Bina Negara sekitar Zon Utara. Secara keseluruhannya, program MSK ini telah terlaksana dengan lancar dan dianggap berjaya memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru akan keunikan cara atau corak kehidupan sebagai pelajar UniMAP yang mana persekitaran k a m p u s n y a adalah kampus teragih.

